

KESEIMBANGAN *IBĀHAH* DAN *TAHRĪM* BERDASARKAN MAQASID SYARIAH

THE BALANCE BETWEEN PERMISSIBILITY (*IBĀHAH*) AND PROHIBITION (*TAHRĪM*) BASED ON MAQĀSID AL-SHARĪ'AH

ⁱ*Uwais Aqili Mohd Zain, ⁱⁱMohd Ramizu Abdullah & ⁱⁱⁱRosmini Mohd Zinon

ⁱFakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

ⁱⁱFakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *uwais.zain@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan keseimbangan antara *ibāḥah* (keharusan) dan *tahrīm* (pengharaman) dalam hukum Islam berdasarkan kerangka maqasid syariah. Kajian ini berasaskan pemahaman bahawa syariat Islam sebagai wahyu Ilahi bersifat tetap dan tidak berubah, manakala fiqh sebagai kefahaman manusia terhadap syariat berkembang melalui proses ijtihad. Dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan pembacaan tematik terhadap karya-karya usul fiqh dan maqasid syariah, kajian ini meneliti prinsip hukum asal *ibāḥah*, rasional *tahrīm* serta peranan maqasid syariah sebagai neraca penilaian maslahah dan mafsadah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseimbangan antara keluasan *ibāḥah* dan ketegasan *tahrīm* membolehkan hukum fiqh menangani perubahan realiti semasa secara berdisiplin tanpa menjejaskan prinsip asas syariat. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan berasaskan maqasid penting bagi memastikan penerapan hukum Islam kekal adil, seimbang dan berteraskan tujuan pensyariaan.

Kata Kunci: *Al-Ibāḥah; al-Tahrīm; Maqasid al-Syariah; Fleksibiliti Fiqh; al-Taysīr*

ABSTRACT

*This article examines the balance between *ibāḥah* (permissibility) and *tahrīm* (prohibition) in Islamic law through the framework of maqāsid al-sharī'ah. The study is grounded in the understanding that Sharī'ah, as divine revelation, is fixed and immutable, whereas fiqh, as human understanding of the Sharī'ah, develops through the process of ijtihād. Employing document analysis and thematic reading of classical and contemporary works in uṣūl al-fiqh and maqāsid al-sharī'ah, this study analyses the principle of original permissibility (al-ibāḥah al-aṣliyyah), the rationale underlying prohibition, and the role of maqāsid al-sharī'ah as a normative framework for evaluating maṣlaḥah (benefit) and mafsadah (harm). The findings demonstrate that a balanced relationship between the breadth of permissibility and the firmness of prohibition enables Islamic jurisprudence to address contemporary realities in a disciplined manner without compromising the fundamental principles of the Sharī'ah. The*

study concludes that a maqāsid-based approach is essential to ensuring that the application of Islamic law remains just, balanced, and faithful to the objectives of legislation.

Keywords: *Al-Ibāḥah; al-Taḥrīm; Maqasid al-Syariah; Flexibility of Jurisprudence; al-Taysīr*

Diserahkan: 12-10-2025

Diterima: 19-12-2025

Atas Talian: 23-12-2025

PENDAHULUAN

Syariat Islam merupakan suatu sistem hukum yang komprehensif, bersifat dinamik dan sentiasa relevan dalam memenuhi keperluan umat sepanjang zaman. Keistimewaan ini lahir daripada sifat syariat yang berteraskan prinsip masalah serta kemampuan fiqh untuk berinteraksi dengan realiti sosial, budaya dan teknologi yang berubah-ubah. Kajian-kajian kontemporari, seperti yang dihuraikan oleh Mawardi (2020), menunjukkan bahawa fleksibiliti dan keluasan syariat Islam membolehkan penyelesaian masalah masyarakat Islam minoriti di negara Barat melalui pendekatan fiqh yang bersifat kontekstual dan berorientasikan maqasid syariah. Keanjalan yang terkandung dalam hukum bukanlah bermaksud perubahan terhadap nas *qat'i*, tetapi kemampuan ijtihad untuk menyesuaikan hukum-hukum zanni mengikut tuntutan semasa tanpa menjejaskan objektif syarak. Latar belakang ini mengisytiharkan wujudnya mekanisme dalaman dalam syariat yang menyeimbangkan antara prinsip tetap dan keperluan perubahan, suatu aspek yang menjadi fokus utama kajian ini.

Dari sudut bahasa, *ibāḥah* berasal daripada kata *abāḥa* yang bermaksud menghalalkan, manakala dari segi istilah ia merujuk kepada sesuatu perkara yang diberi pilihan oleh syarak untuk dilakukan atau ditinggalkan tanpa sebarang pujian atau celaan. Antara ciri *ibāḥah* ialah memberi keluasan dan pilihan, tidak disertai tuntutan melakukan atau meninggalkan, meliputi sebahagian besar urusan kehidupan, serta dapat berubah statusnya mengikut niat atau masalah. Sebaliknya, *taḥrīm* berasal daripada kata *ḥarrama*, iaitu melarang atau menjadikan sesuatu sebagai perbuatan berdosa. Dari sudut istilah, *taḥrīm* merujuk kepada larangan tegas yang ditetapkan oleh syarak, dan antara cirinya ialah larangan yang berpaksikan dalil *qat'i* atau *zanni* yang kuat, bertujuan menolak kemudaratan terhadap *maqāsid darūriyyat*, bersifat tetap kecuali pada keadaan darurat, dan berkaitan langsung dengan sebarang bentuk mafsadah seperti riba, arak, perjudian dan penindasan. Kekeliruan dalam memahami kedua-dua kategori hukum ini membawa kepada permasalahan besar dalam masyarakat moden, terutama ketika berhadapan dengan isu-isu baharu seperti ekonomi digital, teknologi makanan, gaya hidup moden dan kepenggunaan global.

Persoalan utama yang timbul daripada latar belakang dan masalah ini ialah bagaimana konsep *ibāḥah* dan *taḥrīm* difahami secara tepat dalam tradisi usul fiqh, dan sejauh mana maqasid syariah berfungsi sebagai kerangka penimbang dalam menentukan batasan antara keluasan *ibāḥah* dan ketegasan *taḥrīm*. Berhubung dengan itu, timbul persoalan bagaimana hukum fiqh dapat mengekalkan sifat fleksibilitinya dalam menghadapi perubahan zaman, tanpa menyebabkan berlakunya kelonggaran hukum yang melampau atau kekakuan fatwa

yang tidak selaras dengan realiti semasa. Kajian ini juga bertujuan menjelaskan peranan prinsip-prinsip maqasid syariah, termasuk pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta, serta prinsip umum seperti *al-taysir wa raf' al-haraj* dan rukhsah, sebagai kerangka penilaian dalam memahami keseimbangan antara hukum-hukum *ibāhah* dan *tahrīm*, khususnya dalam konteks perbahasan fiqh kontemporari.

Berdasarkan perbincangan yang diutarakan ini, kajian dilakukan bertujuan untuk membina pemahaman yang lebih mendalam tentang keseimbangan antara *ibāhah* dan *tahrīm* dalam hukum Islam berdasarkan maqasid syariah. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menghuraikan konsep, prinsip dan ciri-ciri *ibāhah* dan *tahrīm* sebagaimana yang dibahaskan oleh sarjana usul fiqh klasik dan kontemporari, bagi membentuk asas teoritikal yang jelas tentang kedua-dua kategori hukum tersebut dalam struktur fiqh Islam.
2. Menganalisis peranan maqasid syariah sebagai kerangka penilaian hukum dalam mengimbangi keluasan *ibāhah* dan ketegasan *tahrīm*, khususnya dalam memandu proses ijtihad bagi menilai masalah dan mafsadah secara berdisiplin.
3. Menjelaskan bagaimana keseimbangan antara *ibāhah* dan *tahrīm* berfungsi sebagai pendekatan konseptual dalam memahami dinamika hukum fiqh Islam, khususnya dalam menghadapi isu-isu kontemporari, tanpa menjejaskan prinsip asas syariat yang bersifat tetap.

SOROTAN LITERATUR

Fleksibiliti Hukum Islam dalam Tradisi Fiqh

Perbincangan mengenai fleksibiliti hukum Islam telah lama menjadi tumpuan dalam kalangan sarjana usul fiqh, khususnya dalam membezakan antara syariat sebagai wahyu Ilahi yang bersifat tetap dan fiqh sebagai kefahaman manusia yang bersifat dinamik. Kamali (2003; 2008) dan Ibn ‘Āshūr (2006) menegaskan bahawa keanjalan dalam hukum Islam tidak berlaku pada syariat itu sendiri, tetapi pada fiqh yang terhasil melalui proses ijtihad terhadap dalil-dalil zannī. Kefahaman ini meletakkan fiqh sebagai medan adaptasi hukum yang membolehkan hukum Islam terus berinteraksi dengan perubahan realiti sosial, budaya dan teknologi.

Dari sudut ini, kajian ini sejajar dengan kajian-kajian terdahulu yang mengiktiraf bahawa dinamika hukum Islam berlaku melalui fiqh, bukan melalui perubahan terhadap prinsip-prinsip syariat yang *qat’i*. Al-Qaradawi (1997) dan Kamali (2008) turut menegaskan bahawa fiqh yang berpaksikan maqasid syariah membolehkan hukum Islam diaplikasikan secara kontekstual tanpa menjejaskan asas-asas syarak. Walau bagaimanapun, perbezaan ketara dapat diperhatikan apabila kebanyakan kajian terdahulu menumpukan fleksibiliti hukum Islam dari sudut aplikasi praktikal dan kontekstual, seperti fiqh minoriti, perubahan adat atau keperluan masyarakat moden, tanpa meneliti secara mendalam struktur dalaman hukum fiqh yang menjadi asas kepada fleksibiliti tersebut. Justeru, fleksibiliti sering difahami sebagai respons terhadap situasi tertentu, bukan sebagai hasil keseimbangan sistematik antara kategori-kategori hukum fiqh itu sendiri.

Sehubungan itu, dapat dikenal pasti bahawa kelompangan kajian masih wujud dalam literatur berkaitan analisis yang meneliti fleksibiliti hukum Islam melalui keseimbangan dalaman struktur hukum fiqh, khususnya hubungan antara ruang keharusan (*ibāhah*) dan sempadan pengharaman (*tahrīm*). Kajian ini berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan menumpukan kepada keseimbangan antara kedua-dua kategori hukum ini sebagai asas dinamik fiqh Islam.

Konsep *Ibāhah* dan *Tahrīm* dalam Literatur Fiqh

Dalam literatur fiqh klasik dan kontemporari, *ibāhah* dan *tahrīm* dibincangkan secara meluas sebagai kategori hukum yang berasingan. Al-Ghazālī (1993) dan al-Qarāfī (2001) menegaskan bahawa hukum asal bagi urusan adat dan muamalat ialah *ibāhah*, manakala *tahrīm* ditetapkan bagi perkara-perkara yang membawa mafsadah terhadap maqasid daruriyyāt. Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim pula menghuraikan bahawa pengharaman sesuatu perkara sentiasa berpaksikan kepada kemudharatan yang jelas terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dari sudut ini, kajian ini berkongsi persamaan dengan tradisi fiqh klasik yang mengiktiraf keluasan ruang mubah dan keterhadapan larangan syarak. Namun, perbezaan ketara dalam literatur sedia ada ialah perbincangan *ibāhah* dan *tahrīm* lazimnya dikemukakan secara terpisah dalam perbincangan hukum atau kaedah usul, tanpa mengintegrasikan kedua-duanya sebagai satu kerangka keseimbangan hukum yang menyumbang kepada dinamika fiqh. Sehubungan itu, kelompangan kajian dapat dikenal pasti apabila hubungan antara *ibāhah* dan *tahrīm* sebagai dua dimensi yang saling melengkapi dalam struktur hukum Islam masih belum dihuraikan secara sistematik, khususnya apabila ditimbang melalui lensa maqasid syariah. Kajian ini bertujuan mengisi kelompangan tersebut dengan mengemukakan analisis yang menyatukan kedua-dua kategori hukum ini dalam satu kerangka keseimbangan.

Prinsip *al-Taysīr*, *Raf‘ al-Ḥaraj* dan Rukhsah dalam Literatur Fiqh

Dalam literatur fiqh dan maqasid syariah, prinsip *al-taysīr* (kemudahan) dan *raf‘ al-ḥaraj* (penghapusan kesukaran) diiktiraf sebagai antara asas penting dalam pelaksanaan hukum Islam. Al-Shāṭibī (2006) menegaskan bahawa syariat diturunkan untuk merealisasikan masalah dan mengangkat kesukaran yang melampaui kemampuan mukallaf, berdasarkan *istiqrā’* terhadap nas-nas syarak. Ibn ‘Āshūr (2001) pula menganggap prinsip kemudahan sebagai salah satu maqasid ‘āmmah yang mencerminkan rahmat dan keadilan syariat.

Dari sudut aplikasi fiqh, konsep rukhsah merupakan manifestasi praktikal prinsip *al-taysīr* dan *raf‘ al-ḥaraj*. Al-Suyūṭī (1998) dan Ibn Qudāmah (1997) menjelaskan bahawa rukhsah diberikan apabila wujud sebab-sebab tertentu seperti darurat, kesukaran luar biasa atau keperluan mendesak, tanpa menafikan kewujudan hukum asal (*‘azimah*). Dari sudut ini, kajian ini sejajar dengan kajian terdahulu yang mengiktiraf peranan rukhsah sebagai instrumen kemudahan dalam hukum Islam. Namun demikian, perbezaan dapat dikenal pasti apabila kebanyakan kajian terdahulu membincangkan *al-taysīr* dan rukhsah secara terpisah daripada perbincangan struktur hukum *ibāhah* dan *tahrīm*. Prinsip kemudahan sering dihuraikan sebagai respon terhadap kesukaran mukallaf, tetapi tidak dikaitkan secara langsung dengan peranannya dalam menyeimbangkan keluasan *ibāhah* dan ketegasan *tahrīm* dalam kerangka maqasid syariah.

Oleh itu, kelompangan kajian wujud apabila hubungan antara prinsip *al-taysīr*, rukhsah dan keseimbangan *ibāhah–tahrīm* masih belum dihuraikan secara menyeluruh. Kajian ini

berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan menempatkan prinsip kemudahan dan rukhsah sebagai mekanisme pengimbang dalam struktur hukum fiqh berasaskan maqasid syariah.

Maqasid Syariah sebagai Kerangka Penilaian dan Keseimbangan Hukum

Kajian-kajian terdahulu secara umumnya bersepakat bahawa maqasid syariah merupakan kerangka utama dalam memastikan hukum Islam kekal relevan dan berkesan merentas zaman. Al-Shātibī (2006) dan Ibn ‘Āshūr (2001) menjelaskan bahawa maqasid syariah berfungsi sebagai tujuan dan hikmah pensyariatkan hukum yang berpaksikan pemeliharaan masalah dan penolakan mafsadah. Al-Raysūnī (1992; 2011) pula menegaskan bahawa maqasid menjadi asas penting dalam proses ijtihad agar hukum yang dikeluarkan tidak terpisah daripada objektif syarak.

Pendekatan ini diperkukuhkan lagi oleh Auda (2008; 2011) yang memperkenalkan pendekatan sistemik dalam kajian maqasid, dengan menekankan bahawa hukum Islam perlu dinilai secara holistik dan bersepadu, selari dengan kompleksiti realiti semasa. Dari sudut ini, kajian ini berkongsi persamaan dengan literatur maqasid kontemporari yang menekankan kepentingan maqasid sebagai neraca penilaian hukum. Namun demikian, perbezaan pendekatan dapat dikenal pasti apabila kebanyakan kajian maqasid kontemporari lebih menumpukan maqasid sebagai asas pembaharuan metodologi ijtihad atau sebagai justifikasi bagi pengeluaran hukum dalam bidang-bidang tertentu seperti kewangan Islam, tadbir urus dan etika perubatan. Peranan maqasid sebagai mekanisme keseimbangan dalaman hukum fiqh, khususnya dalam mengawal keluasan *ibāḥah* dan ketegasan *tahrīm*, masih kurang diberikan penekanan secara khusus.

Oleh itu, kelompangan kajian wujud dalam bentuk ketiadaan analisis yang menghuraikan maqasid syariah sebagai neraca yang mengimbangi dua dimensi utama hukum fiqh, iaitu keharusan dan pengharaman. Kajian ini berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan menempatkan maqasid syariah sebagai kerangka yang menstrukturkan keseimbangan *ibāḥah*–*tahrīm* secara sistematik.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian terdahulu telah membincangkan fleksibiliti hukum Islam, maqasid syariah, konsep *ibāḥah* dan *tahrīm*, serta prinsip *al-taysīr* dan rukhsah secara meluas, namun kebanyakannya dilakukan secara terpisah atau dalam konteks aplikasi tertentu. Oleh itu, masih wujud kelompangan yang jelas dalam literatur berkaitan analisis yang menghubungkan secara sistematik keseimbangan antara *ibāḥah* dan *tahrīm* sebagai mekanisme dalaman hukum fiqh yang berpaksikan maqasid syariah. Kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut melalui analisis konseptual yang lebih tersusun dan berfokus, selari dengan keperluan memahami dinamika hukum Islam dalam konteks kontemporari.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberi tumpuan kepada analisis mendalam terhadap konsep, prinsip dan teori hukum Islam berkaitan *ibāḥah*, *tahrīm* dan fleksibiliti hukum Islam. Bagi mencapai objektif kajian, beberapa metode telah digunakan secara sistematik.

Pertama: Kaedah Pengumpulan Data.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan (*library research*) sebagai metode utama pengumpulan data, selaras dengan sifat kajian yang bersifat konseptual dan teoritik dalam bidang fiqh dan maqasid syariah. Kaedah ini dipilih kerana kajian ini menumpukan analisis terhadap konsep *ibāhah* dan *taḥrīm* sebagai kategori hukum fiqh, serta peranan maqasid syariah sebagai kerangka penilaian keseimbangan hukum, yang memerlukan penelitian mendalam terhadap sumber-sumber teks dan pandangan sarjana.

Sumber primer kajian merangkumi al-Qur'an dan hadis, serta karya-karya turath dalam disiplin usul fiqh dan fiqh seperti penulisan ulama klasik yang membincangkan prinsip hukum asal *ibāhah*, rasional pengharaman, kaedah fiqh dan konsep rukhsah. Sumber-sumber ini digunakan bagi mengenal pasti asas normatif dan kerangka teori berkaitan *ibāhah*, *taḥrīm* dan maqasid syariah. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku-buku kontemporari, artikel jurnal, tesis, laporan fatwa dan karya sarjana moden yang membincangkan hukum fiqh, maqasid syariah dan isu-isu kontemporari. Bahan-bahan ini berfungsi untuk meneliti perkembangan pemikiran semasa, membandingkan pendekatan sarjana klasik dan kontemporari, serta mengenal pasti persamaan, perbezaan dan kelompangan kajian berkaitan keseimbangan *ibāhah* dan *taḥrīm*.

Pengumpulan data dilakukan melalui proses pembacaan kritikal dan pemilihan bahan berdasarkan relevansinya dengan objektif kajian, khususnya dalam membina pemahaman yang sistematik tentang keseimbangan *ibāhah*–*taḥrīm* berasaskan maqasid syariah.

Kedua: Kaedah Analisis Data.

Data yang dikumpulkan melalui kaedah kajian perpustakaan dianalisis menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*), selaras dengan sifat kajian yang bersifat konseptual dan berteraskan teks dalam bidang fiqh dan maqasid syariah. Analisis kandungan digunakan bagi meneliti dalil-dalil al-Qur'an, hadis serta karya turath ulama usul fiqh dan fuqaha klasik yang membincangkan konsep *ibāhah*, *taḥrīm*, hukum asal, kaedah fiqh dan rasional pengharaman. Melalui kaedah ini, kajian mengenal pasti prinsip-prinsip normatif dan kerangka teori yang menjadi asas kepada keseimbangan antara keharusan dan pengharaman dalam hukum Islam.

Analisis tematik pula digunakan untuk menyusun dan mengkategorikan pandangan sarjana klasik dan kontemporari berdasarkan tema-tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian, antaranya keseimbangan *ibāhah*–*taḥrīm*, peranan maqasid syariah sebagai neraca penilaian hukum, prinsip *al-taysīr wa raf' al-ḥaraj* serta konsep rukhsah. Kaedah ini membolehkan perbandingan dibuat secara sistematik bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pendekatan sarjana, serta menentukan kelompangan kajian yang belum dihuraikan secara mendalam dalam literatur sedia ada.

Melalui gabungan analisis kandungan dan analisis tematik, data yang dianalisis disintesis bagi membina kefahaman yang lebih tersusun tentang bagaimana keseimbangan antara *ibāhah* dan *taḥrīm* berfungsi dalam kerangka maqasid syariah. Pendekatan analisis ini membolehkan kajian menilai dinamika hukum fiqh secara berdisiplin, tanpa menyentuh perubahan terhadap prinsip-prinsip syariat yang bersifat tetap.

Ketiga: Skop Kajian

Skop kajian tertumpu kepada konsep *ibāḥah* dan *tahrīm* dalam tradisi fiqh serta perbahasan sarjana tentang fleksibiliti hukum Islam melalui lensa maqasid syariah. Kajian tidak menilai hukum individu secara praktikal, tetapi meneliti asas teori dan metodologi yang membentuk pemahaman terhadap fleksibiliti hukum.

Secara keseluruhan, metodologi ini memastikan kajian dapat menghuraikan teori secara komprehensif, membandingkan pelbagai pandangan sarjana, dan membina kerangka analisis yang kukuh berdasarkan disiplin usul fiqh dan maqasid syariah.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini telah berjaya mencungkil beberapa dapatan kajian seperti berikut:

Ibahah sebagai Hukum Asal dan Ruang Fleksibiliti Hukum Islam

Dalam disiplin usul fiqh, para ulama sepakat bahawa hukum asal bagi perkara-perkara adat dan muamalat ialah *al-ibāḥah* (keharusan), selagi tidak ada dalil yang menunjuk kepada pengharaman. Kaedah masyhur menyebut: “*al-aṣlu fil-ashyā’ al-ibāḥah ḥattā yadulla ad-dalīl ‘alā al-tahrīm*”, yang membawa maksud “asal segala sesuatu adalah harus sehingga datang dalil yang mengharamkannya”. Al-Qarāfi ketika membahaskan kaedah ini menegaskan bahawa segala manfaat yang diciptakan Allah di alam ini adalah untuk dimanfaatkan manusia, berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “Dialah yang menciptakan untuk kamu segala yang ada di bumi...” (al-Baqarah 2:29), menunjukkan wujudnya izin umum selagi tiada larangan khusus. Al-Suyūṭī dan Ibn Taymiyyah juga menjelaskan bahawa keluasan *ibāḥah* ini meliputi urusan makanan, pakaian, alat teknologi, bentuk kontrak dan seumpamanya, yang sentiasa berkembang mengikut kreativiti manusia. Dari sudut praktis, ruang *ibāḥah* inilah yang menjadi “ruang fleksibiliti” fiqh, kerana ia membenarkan adaptasi dan inovasi selagi tidak melanggar batas maqasid. Sebagai contoh, kontrak-kontrak baru dalam kewangan Islam seperti *tawarruq*, *ijarah muntahiyah bi al-tamlik* atau sistem pembayaran dalam talian, semuanya bergerak dalam ruang *ibāḥah* yang diikat dengan syarat tidak bercanggah dengan dalil pengharaman yang sedia ada.

Tahrīm sebagai Mekanisme Perlindungan Maqasid Syariah

Berbeza dengan *ibāḥah*, *tahrīm* ialah larangan tegas daripada syarak terhadap sesuatu perbuatan yang membawa dosa jika dilakukan dan pahala jika ditinggalkan. Al-Amidī dan al-Nawawī mentakrifkan haram sebagai tuntutan meninggalkan suatu perbuatan dengan tuntutan yang jazm (pasti). *Tahrīm* sangat rapat dengan maqasid al-sharī‘ah kerana pengharaman sentiasa bertujuan menolak mafsadah daripada lima daruriyyat: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pengharaman arak, contohnya, dikaitkan secara jelas dengan kerosakan akal dan sosial melalui firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan undian nasib itu najis daripada amalan syaitan...” (al-Mā’idah 5:90). Al-Ghazālī dalam al-Mustasfā menyatakan bahawa setiap perkara haram pasti mengandungi keburukan yang mengancam maqasid, walaupun manusia kadang-kadang melihat padanya

manfaat jangka pendek. Begitu juga pengharaman riba yang ditegaskan dalam al-Baqarah ayat 275–279 berfungsi memelihara keadilan ekonomi dan mengelakkan eksploitasi. Ibn al-Qayyim dalam *I'lām al-Muwaqqi'īn* menegaskan bahawa setiap larangan syarak adalah kerana Allah tidak mengharamkan sesuatu melainkan padanya terdapat mafsadah yang kuat, sama ada zahir atau tersembunyi. Justeru, *tahrīm* dapat difahami sebagai “mekanisme perlindungan maqasid”: ia menyempitkan ruang perbuatan hanya pada perkara yang benar-benar mengundang kerosakan terhadap manusia dan masyarakat.

Prinsip *al-Taysīr wa Raf' al-Ḥaraj* sebagai Asas Keringanan Hukum

Prinsip *al-taysīr wa raf' al-ḥaraj* merupakan salah satu maqasid ‘āmmah yang disepakati para ulama. Ibn ‘Āshūr menganggapnya antara tujuan besar syariat, berdasarkan *istiqrā'* (pemerhatian menyeluruh) terhadap nas-nas yang menafikan kesukaran dalam agama. Antara dalil yang paling jelas ialah firman Allah SWT yang bermaksud: “Allah menghendaki bagi kamu kemudahan dan tidak menghendaki bagi kamu kesukaran” (al-Baqarah 2:185), dan firman-Nya yang bermaksud: “Dia tidak menjadikan bagi kamu dalam agama ini sebarang kesempitan (*ḥaraj*)” (al-Hajj 22:78).

Al-Syātibī dalam al-Muwāfaqāt menjelaskan bahawa syariat keseluruhannya dibina atas asas memudahkan, bukan menyulitkan, dan apa yang kelihatan seperti beban pada zahir (seperti kewajipan solat dan puasa) pada hakikatnya merupakan “kesukaran biasa” yang tidak sampai ke tahap *ḥaraj* yang diangkat oleh kaedah ini. Ulama seperti al-Yūbī membezakan antara kesukaran yang lazim mengiringi taklif (yang tidak mengharuskan keringanan) dengan kesukaran luar biasa seperti bahaya nyawa, sakit yang berat, musafir sukar, atau ancaman kerosakan besar yang melayakkan seseorang mendapat keringanan. Prinsip ini menjadi asas mengapa syariat mempunyai ciri keluwesan dalam pelaksanaan—ia memandu ijtihad ke arah menghindari bebanan yang melampaui kemampuan mukallaf, tanpa menghapuskan taklif itu sendiri.

Rukhsah sebagai Instrumen Praktikal Fleksibiliti Hukum Islam

Rukhsah ialah manifestasi praktikal prinsip *al-taysīr wa raf' al-ḥaraj* dalam bentuk hukum. Dari segi bahasa, ia bermaksud keringanan; dari sudut istilah, ia merujuk kepada perubahan hukum asal kepada hukum yang lebih ringan apabila wujud sebab tertentu seperti darurat, musafir, sakit atau keadaan terpaksa. Al-Suyūṭī membahagikan rukhsah kepada beberapa kategori, antaranya rukhsah yang wajib diambil (seperti makan bangkai bagi orang yang hampir mati kelaparan), rukhsah yang sunat (seperti qasar solat bagi musafir), rukhsah yang harus (seperti akad salam untuk memenuhi keperluan pasaran), dan rukhsah yang harus tetapi afdhal ditinggalkan (seperti berbuka puasa bagi musafir yang tidak menghadapi kesukaran pun). Dalil-dalil rukhsah dapat dilihat dalam rukhsah qasar solat: “Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi maka tidaklah menjadi salah kepada kamu untuk mengqasarkan solat...” (al-Nisā’ 4:101), dan rukhsah tidak berpuasa ketika sakit atau safar dalam al-Baqarah 2:184–185.

Ibn Qudāmah dalam al-Mughnī serta Ibn al-Qayyim menegaskan bahawa rukhsah bukanlah “pintu bermain-main dengan agama”, tetapi berada dalam kerangka yang sangat

berdisiplin, iaitu hanya apabila sebab, syarat dan ‘illahnya benar-benar wujud. Di sinilah terlihat peranan rukhsah sebagai instrumen fleksibiliti: ia tidak mengubah prinsip, tetapi melaraskan pelaksanaan hukum berdasarkan maqasid bagi menjaga nyawa, akal, kestabilan dan kemampuan mukallaf.

Maqasid Syariah sebagai Neraca Keseimbangan *Ibahah–Tahrīm*

Maqasid syariah berperanan sebagai neraca yang mengimbangi antara keluasan *ibāḥah* dan ketegasan *tahrīm*. Al-Syātibī, Ibn ‘Āshūr dan al-Raysūnī sepakat bahawa maqasid ialah matlamat dan hikmah yang hendak dicapai oleh syarak melalui hukum-hukumnya, yang berpusing sekitar pemeliharaan manfaat dan penolakan mafsadah. Dalam konteks ini, *ibāḥah* berfungsi sebagai ruang masalah yang terbuka—segala yang pada asalnya memberi manfaat tanpa mafsadah kekal dalam kategori mubah. Namun, apabila sesuatu yang asalnya mubah mula membawa mafsadah yang nyata kepada agama, nyawa, akal, keturunan atau harta, maka maqasid menuntut agar ruang *ibāḥah* itu dihadkan atau ditukar kepada tahrīm atau sekurang-kurangnya makruh.

Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa fatwa dan hukum boleh berubah berdasarkan perubahan zaman, tempat, adat, niat dan keadaan, bukan kerana syariat berubah, tetapi kerana pertimbangan masalah dan mafsadah dalam maqasid yang berubah. Dalam keadaan lain, maqasid juga berperanan mengawal supaya *tahrīm* tidak diperluas tanpa asas, kerana pengharaman yang berlebihan terhadap perkara mubah boleh menyalahi maksud kemudahan syariat. Maka, maqasid menjadi “jalur tengah” yang memastikan keluasan *ibāḥah* tidak berubah menjadi permisivisme, dan *tahrīm* tidak berubah menjadi ekstremisme.

Aplikasi Keseimbangan *Ibahah–Tahrīm* dalam Konteks Kontemporari

Dalam konteks kontemporari, keseimbangan *ibāḥah–tahrīm* sangat diperlukan dalam isu-isu baharu yang tidak ditemui secara langsung dalam kitab-kitab klasik. Antara contohnya ialah penggunaan teknologi kewangan (fintech), ekonomi digital, produk makanan proses, bio-teknologi, media sosial serta pola kepenggunaan global. Prinsip asal *ibāḥah* membuka ruang penggubalan hukum yang membenarkan penggunaan teknologi dan inovasi baru, selagi ia tidak bercanggah dengan dalil khusus tentang tahrīm seperti unsur riba, gharar, penipuan, perjudian, eksploitasi atau unsur haram dalam makanan. Majma‘ Fiqh Islami dan jawatankuasa fatwa kontemporari sering merujuk kepada maqasid dalam menilai produk-produk seperti kad kredit Islam, pembiayaan digital, platform pelaburan dan aplikasi e-dagang. Dalam masa yang sama, prinsip tahrīm diterapkan terhadap elemen-elemen yang jelas merosakkan seperti perjudian dalam talian, skim riba, kandungan tidak bermoral atau penipuan atas talian. Di sinilah kaedah seperti *sadd al-dharā’i’* (menutup jalan kepada kerosakan) dan *fath al-dharā’i’* (membuka jalan kepada masalah) diaplikasikan berasaskan maqasid untuk menentukan di mana garis batas antara *ibāḥah* dan tahrīm perlu digariskan dalam realiti baru.

Kerangka Fleksibiliti Fiqh Berdasarkan Maqasid Syariah

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, dapat dirumuskan satu kerangka konseptual fleksibiliti fiqh yang bertunjangkan maqasid syariah. Pada lapisan asas, wujud hukum asal *ibāḥah* yang meliputi kebanyakan urusan kehidupan, melambangkan wajah syariat yang luas dan mudah. Di sekelilingnya terdapat “lingkaran sempadan” tahrim yang ditetapkan berdasarkan dalil dan maqasid, bertindak memagari umat daripada mafsadah yang mengancam daruriyyat dan hajiyyat mereka. Di antara kedua-dua lingkaran tersebut, berfungsi prinsip-prinsip umum seperti *al-taysīr wa rafʿ al-ḥaraj* dan konsep rukhsah sebagai mekanisme laras (*adjuster*) yang membolehkan hukum bergerak secara dinamik mengikut keadaan tanpa terkeluar daripada landasan syarak. Di atas keseluruhan struktur ini, maqasid syariah bertindak sebagai “kompas nilai” yang menentukan arah dan justifikasi ijtihad, memastikan setiap keputusan hukum-sama ada menuju ke arah mengembangkan ruang *ibāḥah* atau menguatkan *tahrīm*-sentiasa berpaksikan maslahah, keadilan dan rahmat. Model ini menjelaskan bahawa fleksibiliti fiqh bukanlah relativisme hukum, tetapi satu proses teratur yang menggabungkan dalil, kaedah usul dan maqasid untuk menyeimbangkan *ibāḥah* dan tahrim dalam segala realiti yang berubah.

PERBINCANGAN

Penyelidikan ini membawa beberapa perbincangan kajian seperti berikut:

Ibahah sebagai Ruang Maslahah dan Adaptasi

Dalam model, *ibāḥah* digambarkan sebagai “lingkaran asas” yang paling luas. Kaedah *al-aṣl fil-ashyāʾ al-ibāḥah* disokong oleh ramai ulama usul seperti al-Qarāfī, al-Suyūṭī, Ibn Taymiyyah dan lain-lain. Dalilnya antaranya firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا.

Terjemahan: Dialah yang menciptakan untuk kamu segala yang ada di bumi.

[Al-Baqarah, 2:29]

Al-Qarāfī menjelaskan bahawa lafaz “*lakum*” (untuk kamu) menunjukkan unsur *taslīt* – yakni Allah memberikan hak kepada manusia untuk memanfaatkan ciptaan-Nya, selama tiada larangan khusus. Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim pula menegaskan bahawa asal urusan adat dan muamalat adalah harus; yang memerlukan dalil ialah pengharaman, bukan keharusan.

Jika dibandingkan dengan pendekatan sebahagian mutaakhkhirīn yang cenderung sangat berhati-hati (*iḥtiyāt*) sehingga hampir menyempitkan ruang mubah, pendekatan usul klasik sebenarnya lebih seimbang: luas dalam *ibāḥah* tetapi tegas dalam tahrim yang benar-benar berasaskan mafsadah. Dalam isu kontemporari, misalnya:

E-wallet dan pembayaran tanpa tunai: asalnya termasuk dalam *ibāḥah* sebagai wasilah muamalat baru. Ia hanya menjadi isu bila wujud unsur riba, gharar melampau, atau eksploitasi pengguna.

Media sosial dan platform digital: asalnya mubah sebagai wasilah komunikasi, tetapi boleh berubah kepada makruh atau haram jika ia membawa mudarat besar seperti penyebaran fitnah, pornografi, atau pembaziran masa melampau.

Di sini jelas, ruang *ibāḥah* membenarkan adaptasi teknologi, tetapi ia sentiasa tertakluk kepada penilaian maqasid dari sudut masalah dan mafsadah.

***Tahrīm* sebagai Sempadan Perlindungan Daruriyyāt**

Tahrīm dalam model berada di bahagian “sempadan”, bukan di tengah. Ini konsisten dengan hakikat bahawa jumlah perkara haram jauh lebih sedikit berbanding perkara mubah. Al-Ghazālī menjelaskan bahawa setiap yang diharamkan pasti diharamkan kerana mengandungi keburukan yang kuat, sesuai dengan firman Allah SWT:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

“Dia menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang buruk.”

[Al-A‘rāf, 7:157]

Al-Nawawī dalam *al-Majmū‘* dan Ibn Qudāmah dalam *al-Mughnī* sama-sama menghuraikan bahawa pengharaman bangkai, darah, daging babi, arak, riba dan zina adalah kerana kesannya yang menghancurkan maqasid: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ibn al-Qayyim menambah bahawa seluruh bab larangan dalam syariah bila diteliti akan kembali kepada salah satu bentuk kerosakan ini.

Dalam isu kontemporari, tahrīm berfungsi sebagai sistem “firewall syariah”. Contohnya:

Produk kewangan riba moden, walaupun memberi kemudahan kewangan, riba tetap diharamkan kerana kesannya merosakkan keadilan ekonomi dan menganiaya pihak lemah.

Dadah sintetik, vape nikotin tinggi, dan bahan memabukkan baharu, walaupun belum wujud pada zaman klasik, qiyas kepada arak dan prinsip al-iskār menjadikan tahrīm relevan kerana kerosakan terhadap akal dan kesihatan.

Perjudian dalam talian dan trading spekulatif (*gharar* dan *maysir*), walaupun berbalut aplikasi moden, hukumnya kembali kepada larangan *maysir* yang jelas.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa tahrim sentiasa bergerak di ruang yang jelas mafsadahnya, dan ia tidak sepatutnya diperluas tanpa asas, kerana memperluas tahrim tanpa maqasid akan menyekat ruang *ibāḥah* yang dikehendaki syarak.

***Al-Taysīr wa Raf‘ al-Ḥaraj*: Keseimbangan antara “Menyulitkan” dan “Mempermudah”**

Di tengah kerangka ini, prinsip *al-taysīr wa raf‘ al-ḥaraj* bertindak sebagai penstabil. Ayat-ayat seperti:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

[Al-Baqarah, 2:185]

مَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

[Al-Hajj, 22:78]

dan hadis “إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ” – “Sesungguhnya agama itu mudah” – menjadi asas kesepakatan ulama bahawa syariah datang dengan kemudahan yang berdisiplin.

Al-Syātibī membezakan antara “kepayahan normal” yang memang sebahagian daripada taklif (seperti letih berdiri ketika solat) dengan “kepayahan luar biasa” yang jatuh dalam kategori *haraj* yang diangkat oleh syarak (seperti ancaman nyawa, sakit berat). Ibn ‘Āshūr menekankan bahawa menghilangkan kesukaran yang tidak munasabah merupakan maqasid yang berdiri sendiri.

Dalam perbandingan, sebahagian aliran moden ada yang terlalu bersandar kepada “*yusr*” sehingga hampir menghalalkan apa sahaja atas nama kemudahan, manakala sebahagian yang lain terlalu menolak “*yusr*” atas nama “*ihṭiyat*” sehingga menutup rukhsah yang sah. Model ini menegaskan bahawa prinsip *al-taysīr* mesti dibaca di bawah payung maqasid dan dalil, bukan atas rasa selesa peribadi.

Contohnya isu puasa bagi petugas kesihatan barisan hadapan (contoh semasa pandemik): sebahagian ulama membenarkan rukhsah berbuka berdasarkan *haraj* dan maqasid *hifz al-naḥs*; sebahagian lain menegaskan keutamaan puasa jika tidak membawa risiko besar. Di sini *al-taysīr* tidak bererti “semua boleh”, tetapi penilaian kes demi kes berasaskan maqasid.

Rukhsah sebagai Mekanisme Laras Praktikal

Rukhsah berada di antara *ibāḥah* dan tahrim sebagai mekanisme pelarasan. Al-Qarāfī dalam *al-Furūq* membezakan antara ‘*azimah*’ (hukum asal) dan rukhsah (keringanan) dan menegaskan kedua-duanya syar‘ī. Al-Suyūṭī dalam *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* membahagikan rukhsah dari segi hukum: ada yang wajib diambil (makan bangkai dalam darurat), ada yang sunat (qasar bagi musafir), ada yang harus (salam), dan ada yang lebih afdhal ditinggalkan.

Sebahagian ulama seperti Ibn ‘Uthaymīn cenderung menekankan bahawa mengambil rukhsah dalam tempatnya adalah sunnah, bukan tanda kelemahan, kerana ia sebahagian daripada rahmat syariah; manakala sebahagian lainnya menekankan kelebihan berpegang kepada ‘azīmah bagi mereka yang mampu, selagi tidak membawa mudarat. Perbandingan dua kecenderungan ini penting dalam konteks semasa, kerana sebahagian masyarakat hari ini cenderung menuntut rukhsah dalam semua keadaan, hingga membentuk budaya "mencari paling mudah", bukan "mencari paling benar".

Dalam konteks kontemporari, prinsip keseimbangan antara *ibāhah* dan *tahrīm* yang dipandu oleh maqasid syariah dapat diperhatikan melalui beberapa contoh aplikasi fiqh semasa. Antaranya ialah pemberian rukhsah solat secara jama‘ dan qasar kepada pelajar atau pekerja Muslim yang berada di negara bukan Islam dan berhadapan dengan kekangan jadual kerja yang ketat. Keringanan ini mencerminkan prinsip *al-taysīr* dan *raf‘ al-ḥaraj* dalam fiqh, di mana pelaksanaan hukum disesuaikan dengan keadaan mukallaf tanpa menafikan kewajipan asas ibadah solat.

Selain itu, dalam bidang muamalat, kontrak seperti salam dan *istisna‘* yang dibenarkan oleh fuqaha klasik turut diaplikasikan dalam sistem pembiayaan projek moden bagi memenuhi keperluan ekonomi semasa. Keizinan terhadap bentuk kontrak ini berfungsi dalam ruang *ibāhah* yang dikawal oleh syarat-syarat tertentu, bertujuan memenuhi masalah ekonomi sambil mengelakkan unsur-unsur yang diharamkan seperti *riba* dan *gharar*. Hal ini menunjukkan bagaimana keluasan *ibāhah* beroperasi secara berdisiplin dalam kerangka maqasid syariah.

Dalam aspek kesihatan pula, prinsip rukhsah diaplikasikan dalam isu-isu seperti pemindahan organ atau penggunaan ubat yang mengandungi unsur najis dalam keadaan darurat. Dalam situasi sedemikian, pertimbangan terhadap pemeliharaan nyawa (*ḥifz al-nafs*) sebagai salah satu maqasid daruriyyāt membolehkan pelaksanaan hukum yang lebih ringan, tanpa mengubah prinsip asas pengharaman secara mutlak. Contoh-contoh ini memperlihatkan bahawa aplikasi fiqh kontemporari beroperasi dalam keseimbangan antara keluasan *ibāhah* dan ketegasan *tahrīm*, dengan maqasid syariah berfungsi sebagai neraca utama dalam menilai masalah dan mafsadah.

Dalam semua ini, rukhsah berfungsi sebagai “alat fleksibiliti” yang terikat ketat dengan maqasid dan syarat, bukan sebagai lesen kelonggaran tanpa batas.

Pertimbangan Isu Kontemporari Berdasarkan Keseimbangan *Ibāhah* dan *Tahrīm*

Perbincangan mengenai keseimbangan antara *ibāhah* dan *tahrīm* berasaskan maqasid syariah dapat diperluaskan kepada pemahaman terhadap isu-isu kontemporari yang semakin kompleks. Dalam konteks kewangan digital seperti teknologi kewangan (*fintech*) dan aset kripto, prinsip hukum asal *ibāhah* membuka ruang keharusan terhadap inovasi teknologi kewangan sebagai wasilah muamalat baharu. Namun demikian, keharusan ini tertakluk kepada penilaian terhadap unsur-unsur yang diharamkan seperti *riba*, *gharar* dan *maisir*. Dalam hal ini, maqasid syariah khususnya pemeliharaan harta (*ḥifz al-māl*) dan agama (*ḥifz al-dīn*) berfungsi sebagai neraca untuk menilai sejauh mana penggunaan teknologi tersebut

mendatangkan masalah atau menimbulkan mafsadah, tanpa menjadikan keharusan atau pengharaman secara melampau.

Dalam bidang teknologi makanan pula, perkembangan seperti makanan terubah suai genetik (GMO), produk berasaskan tumbuhan (*plant-based meat*) dan daging kultur (*cultured meat*) turut berada dalam ruang *ibāhah* selagi tidak terdapat dalil khusus yang menunjukkan pengharaman. Namun, penilaian fiqh terhadap teknologi ini menuntut pertimbangan yang lebih menyeluruh, termasuk kesannya terhadap kesihatan manusia (*ḥifẓ al-nafs*), kelestarian alam sekitar sebagai masalah umum, serta kemungkinan kewujudan unsur najis atau *khabā'ith*. Dalam konteks ini, *tahrīm* hanya diaplikasikan apabila terbukti wujudnya mudarat yang jelas atau unsur haram yang nyata, selaras dengan pendekatan maqasid syariah yang menolak kemudarat.

Begitu juga dalam aspek media dan gaya hidup digital, penggunaan platform teknologi komunikasi pada asalnya termasuk dalam ruang *ibāhah* sebagai alat interaksi sosial dan penyebaran maklumat. Namun, kandungan tertentu seperti pornografi, perjudian dalam talian, hasutan kebencian dan penyebaran maklumat palsu boleh membawa kepada pengharaman kerana kesannya yang merosakkan akal, moral dan ketenteraman sosial. Dalam menilai isu-isu ini, maqasid syariah berperanan sebagai neraca utama, manakala prinsip *al-taysīr* mengelakkan pendekatan hukum yang terlalu keras sehingga menutup manfaat teknologi secara menyeluruh, dan kaedah *sadd al-zarā'i* pula berfungsi menutup jalan kepada kemudarat yang lebih besar.

Kesemua contoh ini menunjukkan bahawa pertimbangan terhadap isu-isu kontemporari dalam fiqh Islam tidak beroperasi secara terpisah, tetapi berpaksikan keseimbangan antara keluasan *ibāhah* dan ketegasan *tahrīm* yang dipandu oleh maqasid syariah. Pendekatan ini membolehkan hukum fiqh berinteraksi dengan realiti semasa secara berdisiplin, tanpa mengubah prinsip asas syariat yang bersifat tetap.

Maqasid Syariah sebagai Kompas Nilai dan Neraca Hukum

Pada lapisan tertinggi model, maqasid syariah berperanan sebagai “kompas nilai” yang mengawal seluruh pergerakan hukum antara *ibāhah* dan *tahrīm*. Al-Syātibī menegaskan bahawa syariah “tidak diletakkan melainkan untuk merealisasikan masalah hamba di dunia dan akhirat” (*innamā wudi‘at al-sharī‘ah li-maṣāliḥ al-‘ibād*). Ibn al-Qayyim pula menyatakan dalam I‘lām al-Muwaqqi‘īn bahawa syariah seluruhnya adalah keadilan, rahmat, masalah dan hikmah; apa sahaja yang keluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada kekejaman, daripada masalah kepada mafsadah, maka ia bukanlah syariah walaupun dihalalkan melalui takwil.

Jika al-Syātibī banyak menekankan struktur maqasid dalam bentuk *daruriyyāt–ḥājīyyāt–taḥsīniyyāt*, Ibn ‘Ashūr pula memperluas horizon maqasid kepada dimensi kemanusiaan, sosial dan tamadun, seperti keadilan, kebebasan, dan kemuliaan insan. Ulama kontemporari seperti Jasser Auda menambah bahawa maqasid perlu difahami secara sistemik, bukan linear, kerana realiti semasa bersifat kompleks dan saling bertaut.

Daripada perbandingan ini, dapat difahami bahawa maqasid bukan sekadar teori tambahan, tetapi menjadi neraca utama yang menentukan sama ada sesuatu isu moden contohnya kripto-asset, fintech, atau teknologi AI berada dalam zon masalah (maka boleh berada dalam *ibāḥah*), atau telah masuk ke zon mafsadah (maka cenderung ke arah *tahrīm*). Tanpa maqasid, fatwa mudah cenderung sama ada terlalu rigid atau terlalu longgar.

Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bahawa keseimbangan antara *ibāḥah* dan *tahrīm* berasaskan maqasid syariah bukan sekadar perbahasan teoritikal, tetapi merupakan satu kerangka kefahaman fiqh yang praktikal dan berdisiplin. Pendekatan ini menggabungkan warisan pemikiran ulama muktabar dengan keperluan membaca realiti kontemporari secara kritis, tanpa menjejaskan prinsip asas syariat Islam.

RUMUSAN

Kajian ini merumuskan bahawa keseimbangan antara *ibāḥah* sebagai hukum asal dan *tahrīm* sebagai sempadan larangan merupakan asas penting dalam struktur hukum fiqh Islam, khususnya apabila ditimbang melalui kerangka maqasid syariah. *Ibahāh* menyediakan ruang keluasan bagi pelaksanaan hukum dalam urusan kehidupan manusia, manakala *tahrīm* berfungsi sebagai mekanisme perlindungan terhadap mafsadah yang boleh mengancam pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Keseimbangan antara kedua-dua dimensi ini menzahirkan keanjalan fiqh Islam tanpa menjejaskan ketetapan syariat yang bersifat tetap dan *qat'ī*.

Melalui analisis terhadap literatur fiqh dan maqasid syariah, kajian ini menunjukkan bahawa peranan maqasid bukan sekadar sebagai tujuan pensyarian hukum, tetapi juga sebagai neraca penilaian yang mengawal keluasan *ibāḥah* dan ketegasan *tahrīm* secara berdisiplin. Prinsip-prinsip umum seperti *al-taysīr wa raf' al-ḥaraj* serta konsep rukhsah turut memainkan peranan penting sebagai mekanisme pelarasan dalam pelaksanaan hukum, khususnya apabila mukallaf berhadapan dengan kesukaran atau keperluan luar biasa. Pendekatan ini memastikan bahawa pelaksanaan hukum fiqh kekal praktikal dan realistik, tanpa membuka ruang kepada pelanggaran hukum yang tidak terkawal.

Kajian ini juga menegaskan bahawa perbahasan mengenai *ibāḥah* dan *tahrīm* tidak wajar dilihat secara terpisah atau terhad kepada kategori hukum semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai dua dimensi yang saling melengkapi dalam memastikan keseimbangan hukum Islam. Dalam konteks kontemporari, keseimbangan ini membolehkan hukum fiqh menangani pelbagai isu baharu secara berhemah, sama ada dalam aspek ibadah, muamalat atau kesihatan, dengan maqasid syariah berfungsi sebagai panduan utama dalam menilai masalah dan mafsadah.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menegaskan bahawa keseimbangan *ibāḥah* dan *tahrīm* berasaskan maqasid syariah merupakan pendekatan konseptual yang penting dalam memahami dinamika hukum fiqh Islam. Pendekatan ini tidak bermaksud mengubah prinsip syariat, tetapi menstrukturkan pelaksanaan hukum fiqh agar kekal adil, seimbang dan selari dengan tujuan pensyarian. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti aplikasi keseimbangan ini dalam isu-isu kontemporari secara lebih khusus, termasuk melalui kajian perbandingan mazhab atau analisis kes terpilih, bagi memperkukuh lagi kefahaman dan amalan hukum Islam dalam realiti semasa.

RUJUKAN

- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. International Institute of Islamic Thought.
- Auda, J. (2011). *Fiqh al-maqasid: Masarat jadidah li al-fiqh al-Islami*. Dar al-Fikr.
- Al-'Amidi, S. (1982). *Al-Ihkam fi usul al-ahkam* (Vol. 1–4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Asfahani, R. (2007). *Al-Mufradat fi gharib al-Qur'an*. Dar al-Qalam.
- Al-Dahlawi, S. (1996). *Hujjat Allah al-balighah* (Vol. 1–2). Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, M. (1993). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Juwayni, A. (2000). *Al-Burhan fi usul al-fiqh*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khadimi, M. (2003). *Al-Ijtihad al-maqasidi*. Dar Ibn Hazm.
- Mawardi, A. I. (2020). *The Urgency of Maqasid al-Shariah Reconsideration in Islamic Law for Muslim Minorities in Western Countries*. International Journal of Innovation, Creativity and Change, 12(9), 388-404
- Al-Mubarakfuri, A. (t.t.). *Tuhfah al-Ahwazi bi sharh Jami' al-Tirmizi*. Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Y. (1995). *Al-Majmu' sharh al-Muhadhdhab*. Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Y. (1997). *Al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Al-Resalah.
- Al-Qaradawi, Y. (1993). *Fiqh al-awlawiyyat*. Dar al-Shuruq.
- Al-Qarafi, A. (2001). *Al-Furuq* (U. H. al-Qayyām, Ed.). Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qattan, M. (1996). *Tarikh al-tashri' al-Islami*. Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Raysuni, A. (1992). *Nazariyyat al-maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Al-Risalah.
- Al-Raysuni, A. (2011). *Al-Maqasid al-kulliyah al-shar'iyah*. Dar al-Kalimah.
- Al-San'ani, S. (1997). *Subul al-salam*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Suyuti, J. (1998). *Al-Ashbah wa al-nazair*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shatibi, I. (2006). *Al-Muwafaqat fi usul al-shari'ah*. Dar Ibn Affan.
- Dusuki, A. W., & Abozaid, A. (2007). *A critical appraisal on the challenges of realizing maqasid al-shariah in Islamic banking and finance*. In A. Ghazali (Ed.), *Essays in Islamic Economics and Finance* (pp. 143–160). CERT Publications.
- Hallaq, W. B. (2005). *The origins and evolution of Islamic law*. Cambridge University Press.

- Iqbal, M., & Mirakhor, A. (2011). *Islamic finance: Theory and practice*. Wiley.
- Ibn al-Qayyim, M. (1998). *I'lam al-muwaqqi'in 'an Rabb al-'alamin* (Vol. 1–4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim, M. (t.t.). *'Uddat al-sabirin wa dhakhirat al-shakirin*. Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. (1997). *Al-Mughni* (Vol. 1–10). Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, A. (1995). *Majmu' al-fatawa*. Dar al-Wafa'.
- Ibn 'Ashur, M. T. (2001). *Maqasid al-shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- Ibn 'Ashur, M. T. (2006). *Usul al-nizam al-ijtima'i fil-Islam*. Dar al-Suhail.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Shariah and ijtihad as instruments of civilizational renewal: A methodological perspective*. *Islam and Civilisational Renewal*, 1(2), 245–271.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic jurisprudence* (3rd ed.). Islamic Texts Society.
- Mohamad Akram, L. (2018). *Maqasid al-syariah dalam kewangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Rahman, F. (2015). *Health, well-being and the objectives of Islamic law*. *Journal of Maqasid Studies*, 4(1), 55–78.
- Sachedina, A. (2006). *Islamic biomedical ethics*. Oxford University Press.
- Schacht, J. (1982). *An introduction to Islamic law*. Oxford University Press.
- Usmani, M. T. (2002). *An introduction to Islamic finance*. Idaratul Ma'arif.
- Umar, A. (2008). *Al-Maqasid al-kulliyyah li al-shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Fath.
- Zaidan, A. (1987). *Al-Wajiz fi usul al-fiqh*. Mu'assasah al-Risalah.

